

Kertas Putih untuk Sistem Kesihatan Negara yang Adil dan Mampan

Gabungan Kesihatan Malaysia mengalu-alukan [Kertas Putih](#) yang dicadangkan oleh YB Menteri Kesihatan untuk memperkasakan sistem penjagaan kesihatan Malaysia. Kami ingin mencadangkan tiga garis panduan untuk memastikan sasaran yang praktikal dan boleh dicapai.

1. Peruntukan yang Bersifat Inklusif, Telus dan Holistik

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) harus memperjuangkan sistem penjagaan kesihatan yang inklusif dan holistik dengan memastikan pengagihan sumber penjagaan kesihatan yang saksama. KKM perlu memberi tumpuan kepada kumpulan yang terpinggir seperti Orang Asli, orang kurang upaya, warga emas, para banduan dan komuniti yang menghadapi stigma. Kemudahan kesihatan mestilah sejagat, tanpa mengira status sosio-ekonomi, bangsa, agama atau identiti. Oleh itu, KKM haruslah melibatkan pihak berkepentingan seperti para [pesakit](#), orang awam, pegawai-pegawai kesihatan, syarikat insurans dan terutamanya kementerian lain untuk memupuk pendekatan yang menyeluruh dan mampan. Kami menggesa agar pengagihan modal kewangan, modal insan dan modal politik dipandu oleh keperluan demografi, beban penyakit dan strategi masa depan. KKM harus menegakkan prinsip ketelusan dan akauntabiliti.

2. Memupuk Kerjasama Antara Agensi Kerajaan

Walaupun sistem penjagaan kesihatan mungkin dikaitkan sebagai tanggungjawab KKM, KKM memerlukan sokongan daripada pelbagai pihak seperti Kementerian Kewangan, Perbendaharaan, Jabatan Perkhidmatan Awam, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), sektor swasta, persatuan profesional dan lain-lain. Kami menggalakkan [kerjasama](#) antara sektor-sektor tersebut, terutamanya antara pelbagai kementerian dalam penyediaan dan pelaksanaan Kertas Putih bagi memastikan penyampaian yang lebih lancar dan menyeluruh. Matlamat ini boleh dicapai melalui jawatankuasa antara agensi berlainan bermula dari fasa penggubalan ke fasa pelaksanaan seperti penetapan butiran operasi. Proses ini membolehkan pembuatan dasar yang lebih lancar dan akan mewujudkan asas yang kukuh bagi “*Health in All Policies*”.

3. Suruhanjaya Pembaharuan Kesihatan sebagai Badan Pelaksana

Pelaksanaan Kertas Putih adalah amat penting. Oleh itu, MHC mengalu-alukan penubuhan [Suruhanjaya Pembaharuan Kesihatan](#) untuk memastikan akauntabiliti dan kesinambungan dalam pelaksanaan Kertas Putih ini. Suruhanjaya ini akan ditugaskan untuk memantau, menasihati dan melaporkan status pembaharuan penjagaan kesihatan kepada Parlimen dan orang awam. Untuk memastikan Suruhanjaya yang berwibawa dan dipercayai oleh Rakyat, kami menggesa proses yang telus dalam pelantikan individu-individu yang layak.

Kami menantikan pembentangan Kertas Putih dan pelaksanaan seterusnya yang kami percaya akan memberi manfaat besar kepada sistem penjagaan kesihatan dan terutamanya Rakyat Malaysia.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA.

Gabungan Kesihatan Malaysia (Senarai tandatangan penuh di myhealthcoalition.org)

12 Julai 2022

Senarai Tandatangan:

Persatuan

1. Academy of Medicine Malaysia
2. Association of Malaysian Optometrists
3. College of Anaesthesiologists
4. College of Physicians
5. College of Surgeons Academy of Medicine of Malaysia
6. IKRAM Health Malaysia
7. Islamic Medical Association of Malaysia
8. Lung Cancer Network of Malaysia
9. Malaysian Association for Bronchology and Interventional Pulmonology
10. Malaysian Association of Clinical Biochemists
11. Malaysian Association of Dental Public Health Specialists
12. Malaysian Association of Environmental Health
13. Malaysian Association of Medical Assistants
14. Malaysian Coalition on Ageing
15. Malaysian Dental Association
16. Malaysian National Society of Audiologist
17. Malaysian Nurses Association
18. Malaysian Paediatric Association
19. Malaysian Pharmacists Society
20. Malaysian Society of Clinical Psychology
21. Malaysian Society of Geriatric Medicine
22. Malaysian Society of Intensive Care
23. Malaysian Society of Ophthalmology
24. Malaysian Thoracic Society
25. Medical Practitioners Coalition Association of Malaysia
26. MedTweetMy
27. Obstetrical and Gynaecological Society of Malaysia
28. Perinatal Society of Malaysia

Individu

1. Assoc Prof Dr Uma Devi Palanisamy
2. Dato' Dr Amar Singh-HSS
3. Dr Khor Swee Kheng
4. Prof Dr Asri Said
5. Prof Dr Roslina Abdul Manap
6. Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh
7. Prof Dr Zaleha Abdullah Mahdy
8. Puan Sharipah Asiah Syed Junid Aljunid

Diselaraskan oleh: Dr Suwarna Ramanathan